

Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Terhadap Etika Kaunseling

*Proceedings of the Counselor Board National Conference.2006: Kuala Lumpur: Lembaga
Kaunselor*

Zuraidah Abdul Rahman
Jamayah Sali
Nurul Hasyimah Mat Rani

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia,
Universiti Malaysia Sarawak 94300 Kota Samarahan Sarawak.
arzuraid@fcs.unimas.my / sjamayah@fcs.unimas.my
Tel : 082-581530 / 581541, Faks : 082 581567

Kajian bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan kaunselor pelatih Universiti Malaysia Sarawak terhadap etika kaunseling. Kajian merangkumi perbezaan antara faktor etnik dan tahun pengajian dalam aspek etika kerahsiaan, etika pemberitahuan persetujuan dan etika hubungan dua hala. Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat dari 122 kaunselor pelatih yang telah mengikuti kursus Etika Kaunseling yang ditawarkan semasa tahun 2 pengajian. Data dianalisis menggunakan kekerapan, peratusan, min, ujian-T dan one way Anova.. Dapatan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan kaunselor pelatih terhadap etika kaunseling di UNIMAS adalah tinggi. Tidak terdapat perbezaan faktor etnik dalam aspek etika kerahsiaan, etika pemberitahuan persetujuan dan etika hubungan dua hala. Namun begitu terdapat perbezaan antara tahun pengajian dengan pengetahuan kaunselor pelatih terhadap etika dua hala dan tiada perbezaan antara faktor tahun pengajian dengan etika kerahsiaan dan etika pemberitahuan persetujuan. Justeru itu dicadangkan agar pemahaman terhadap etika hubungan dua hala ditekankan agar dapat membantu kaunselor pelatih mengenalpasti hubungan lain selain hubungan professional antara diri dan klien pada masa akan datang.

Kata kunci: etika kaunseling, etika kerahsiaan, etika pemberitahuan persetujuan dan etika hubungan dua hala